

Oleh Muhammad Reza Muhsain
m.reza@bh.com.my

► Kota Kinabalu

“Demi Mu Malaysia” julang nama UMS

“
LAGU DEMI MU
MALAYSIA AKAN
DIRAKAM SEMU-
LA OLEH PIHAK
RTM DAN DI-
SIARKAN DALAM
PELBAGAI VERSI”



Roslee Wahid,
Pensyarah.

Lagu ‘Demi Mu Malaysia’ karya pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Roslee Wahid terpilih sebagai satu daripada lagu yang dimainkan oleh radio dan stesen televisyen Radio Televisyen Malaysia (RTM) bersempena dengan bulan kemerdekaan, bulan ini.

Beliau dipilih RTM bersama-sama tujuh komposer lagu lain bagi menghasilkan lagu patriotik sebagai inisiatif menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan menerusi penghasilan karya lagu.

Roslee berkata, pemilihan itu disifatkan satu penghargaan kepada diri dan pelajar orkestra UMS khasnya apabila diberi peluang terbabit secara langsung dalam pembikinan audio dan video lagu berkenaan.

“Seramai 75 pemuzik terdiri daripada pelajar dan alumni UMS terbabit dalam penghasilan lagu itu yang menggunakan 24 jenis alat muzik termasuk Flute, Violoncello, Timpani, Cymbals Trombon, Piano, Drum, Biola, Gitar dan Trompet.

Memartabatkan karya
“Bekas juara Sinaran Pasport Kegemilangan (Musim Enam), Dayang Noraini Sahari yang juga pelajar UMS dipilih untuk mendendangkan lagu itu,” katanya.

Beliau yang bertanggungjawab menggubah dan menulis lirik lagu itu bagaimanapun mengakui

berdepan cabaran sepanjang pembikinan lagu itu termasuk kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung.

Katanya, sumbangan pelbagai pihak dialu-alukan demi memastikan karya terbaik dapat dihasilkan demi memartabatkan karya lagu patriotik dalam dunia seni tanah air.

“Lagu ‘Demi Mu Malaysia’

akan dirakam semula oleh pihak RTM dan disiarkan dalam pelbagai versi seperti Orkestra Simfoni, Accapella, ‘Big Band’ dan akustik vokal bersama piano.

“Kejayaan lagu ini sudah pasti menjadi kebanggaan saya dan UMS kerana mampu menyumbang kepada perkembangan dunia seni tanah air,” katanya.



Pelajar orkestra UMS yang terbabit dalam pembikinan lagu itu.



Aksi Dayang Noraini ketika mendendangkan lagu Demi Mu Malaysia.